

BAB 3

BAB 3

METODOLOGI

3.1 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini melibatkan tiga aspek penting yang terangkum dalam kaedah penyelidikan media. Aspek pertama ialah pemerhatian organisasi yang melibatkan pengkaji melihat struktur organisasi akhbar dan perbezaan yang wujud dalam proses penerbitan akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Kajian juga melibatkan temu bual individu yang terbabit dalam proses penerbitan akhbar untuk meninjau fungsi dan peranan setiap jabatan dalam organisasi akhbar tersebut.

Aspek kedua ialah kajian teks yang melibatkan tinjauan dan analisis pengkaji terhadap halaman pertama akhbar yang dikaji. Pengkaji memberi penekanan kepada aspek-aspek perekaan dan prinsip-prinsip asas penerbitan yang digunapakai, termasuklah tipografi, penggunaan visual dan perekaan grafik akhbar juga penggunaan elemen-elemen multimedia. Pengkaji juga melihat kaedah membuat *lay-out/make-up/reka letak* akhbar iaitu teknik merancang, mengatur dan menghias wajah akhbar berdasarkan kepada prinsip-prinsip asas penerbitan. Halaman pertama akhbar cetak dan halaman utama akhbar dalam talian dikaji dan dibuat perbandingan.

Seterusnya aspek ketiga melibatkan kajian ke atas khalayak yang menjadi pengguna akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Kajian audiens ini melibatkan tinjauan dengan bertanya soalan menggunakan set soal selidik. Pendekatan yang digunakan pengkaji untuk mengumpul data ialah melalui soal selidik. Data-data yang didapati daripada kajian audiens melalui soal selidik akan menyokong aspek kajian teks terhadap

perekaan halaman akhbar cetak dan akhbar dalam talian seterusnya melihat penggunaan dan reaksi audiens akhbar.

3.2 KAEDAH MENDAPATKAN DATA

Kaedah kajian primer dan sekunder digunakan dalam kajian ini. Data primer didapati daripada sumber temu bual dan tinjauan melalui soal selidik.

Maklumat atau data primer diperoleh melalui sesi temu bual dengan individu tertentu yang terlibat secara langsung dalam operasi penerbitan akhbar yakni lebih dominan dalam penyelidikan ini. Temu bual dilakukan dengan agensi media yang terlibat secara langsung dengan penerbitan akhbar cetak dan akhbar dalam talian, yakni dalam konteks kajian iaitu penerbit akhbar *Berita Harian* (NSTP Berhad) dan *Harakah* (Jabatan Penerangan dan Penerbitan PAS Pusat). Pengkaji telah menemubual Ketua Pengarang *Harakah* iaitu Encik Zulkifli Sulong untuk mendapatkan maklumat sejarah dan latar belakang agensi media yang menerbitkan akhbar *Harakah* dan *Harakahdaily* selain pandangan beliau terhadap cabaran media akhbar dalam era digital serta wawasan agensi media berkenaan. Sesi temu bual juga dilakukan untuk mendapatkan struktur organisasi dan peranan serta fungsi setiap jabatan agensi media tersebut. Dalam satu sesi temu bual yang lain, pengkaji mendapat maklumat daripada editor *Harakahdaily*, saudara Amir Ramdzan Ibrahim bagi mengetahui perjalanan penerbitan akhbar dalam talian dari aspek reka bentuk, infrastruktur, dan perisian yang digunakan. Pengkaji juga menemubual Ketua E-Media, Encik Razak Rafflis dan Puan Zarimah Ali untuk mendapat data-data dan maklumat tambahan.

Selain sesi temu bual melalui pertemuan bersemuka, temu bual melalui telefon dan e-mel juga dibuat. Kaedah temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan, persepsi, proses dan perkembangan akhbar yang dikaji.

Data primer juga diperolehi melalui kaedah soal selidik. Soal selidik menggunakan borang soal selidik berstruktur dengan memberi tumpuan kepada aspek reka bentuk akhbar cetak dan akhbar dalam talian.

Cara mengumpul data ialah dengan menyediakan borang soal selidik untuk diisi oleh khalayak sasaran yang dianggap audiens akhbar. Bentuk soalan adalah secara berstruktur, terdiri daripada soalan tertutup, soalan terbuka, dan soalan berbentuk skala likert lima mata. Soal selidik menumpukan kepada penggunaan dan reaksi audiens terhadap reka bentuk, penggunaan visual dan perekaan grafik halaman pertama akhbar cetak dan akhbar dalam talian.

Data sekunder didapati melalui pembacaan bahan-bahan bercetak dan mengakses Internet dengan melayari laman akhbar dalam talian dan laman-laman Web. Pengkaji memperoleh bahan bercetak daripada pelbagai sumber seperti buku rujukan, jurnal, kertas kerja seminar, akhbar, dan majalah.

3.3 KAEDAH SOAL SELIDIK

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik sebagai cara utama mengumpul data. Soal selidik digunakan dalam pendekatan ini bermatlamat melihat persepsi pengguna akhbar sebagai sumber utama maklumat, termasuk di sini ialah akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Penggunaan kaedah ini diharap dapat melengkapkan kajian ini terhadap reka bentuk akhbar cetak dan akhbar dalam talian dan keberkesanan prinsip reka bentuk yang

digunakan. Manfaatnya, dapatan kajian akan memberi gambaran aspek reka bentuk yang digunakan dan keberkesanannya terutamanya akhbar dalam talian yang semakin digemari penggunaannya.

Tujuan kajian juga meninjau satu fenomena baru atau budaya baru yakni memperoleh maklumat dari akhbar dalam talian. Diandaikan bahawa sesuatu yang baru akan membawa masalah kepada pengguna. Pengkaji meninjau fenomena ini dengan bertanya soalan kepada khalayak sasaran serta mendapatkan pandangan yang dikumpulkan menjadi data-data. Melalui tinjauan, *trend* penggunaan, pendapat, dan cadangan audiens diperolehi untuk dijadikan data-data berguna dalam kajian ini. Melalui tinjauan soal selidik, akan diperolehi kelemahan dan kekuatan aspek reka letak akhbar.

Pengkaji telah mengumpul data-data melalui set soal selidik dalam satu kumpulan pelajar yang dikenal pasti sebagai audiens akhbar yang dikaji pada satu jangka masa yang sama. Pengkaji mengendalikan proses tinjauan soal selidik (bertanya soalan melalui set soal selidik) dengan sendiri yakni bertemu dengan responden secara langsung. Responden mengisi set soal selidik di hadapan pengkaji bagi memastikan semua set soal selidik yang diedarkan dapat dikumpulkan semula. Hasilnya kesemua set soal selidik berjumlah 100 dapat dikumpulkan semula. Responden juga boleh bertanya pengkaji segala kemusykilan soalan dalam set soal selidik. Pengkaji mengetahui latar belakang bidang pengajian responden dan pengetahuan responden serta penggunaan akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Pengkaji memastikan bahawa responden terdiri daripada pengguna akhbar cetak atau akhbar dalam talian yakni pengguna ICT. Pemilihan responden di kalangan pelajar bidang pengajian Islam berdasarkan andaian mereka menggunakan akhbar *Harakah* yang dikaji. Pemilihan pelajar yang mengambil kursus

Perekaan dan Pengeluaran Buku berdasarkan andaian mereka mengetahui ilmu berkaitan perekaan dan prinsip-prinsip penerbitan yang menjadi penekanan dalam kajian ini.

Sejumlah 10% atau sepuluh orang responden ditemu bual secara bersemuka. Kaedah ini bertujuan mengumpul data secara kualitatif.

3.4 PENGUMPULAN DATA

Gourdan Wiethoff dalam bukunya *Mastering Communication* menyarankan 10 faktor menganalisis audiens iaitu saiz, umur, jantina, pendidikan, pekerjaan, kebudayaan, kediaman, masa, tempat, dan kepercayaan. Bertepatan dengan kajian, pengkaji menggunakan faktor-faktor yang disarankan oleh Gourdan bagi mengetahui latar belakang audiens sebelum membuat analisis audiens.

Faktor seperti jantina, umur, etnik, pendidikan, pekerjaan, dan budaya merupakan butiran yang perlu diisi dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada responden terpilih. Saiz audiens ditetapkan seramai 100 orang yang dibahagikan kepada dua kumpulan yang berbeza bidang pengajiannya. Ini bertujuan melihat persepsi pelajar dua aliran pengajian yang berbeza yang cenderung menggunakan akhbar yang dikaji iaitu *Harakah*. Daripada 100 borang soal selidik yang diedarkan, 50 borang untuk pelajar sains sosial manakala selebihnya (50 borang) untuk pelajar pengajian Islam.

Responden terdiri daripada pelajar Universiti Malaya. Responden diandaikan pernah membaca akhbar *Harakah* dalam edisi cetak maupun dalam talian. Oleh sebab itu, pelajar bidang pengajian Islam yang rata-ratanya dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya menjadi responden kajian ini yang diandaikan cenderung memilih media terbitan parti pembangkang. Pelajar bidang sains sosial rata-ratanya terdiri

daripada pelajar Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya yang mengambil kursus AKEA2305: Perekaan dan Pengeluaran Buku yang terdedah kepada aspek reka bentuk penerbitan seperti prinsip-prinsip penerbitan, tipografi, elemen-elemen multimedia, dan sebagainya yang signifikan dengan kajian ini.

Sampel kajian terdiri daripada pelajar IPTA yang tinggal di kampus dan kawasan sekitarnya yang diandaikan mempunyai akses Internet yang tinggi. Penyediaan kemudahan mengakses Internet di IPTA juga diandaikan tinggi. Dari segi sampel, responden dipercayai paling berkemampuan dan berpengetahuan mengakses Internet. Kajian yang dilakukan oleh MIMOS Berhad dan Beta Interactive Services pada tahun 1996 mendapati 32% pengguna Internet adalah dalam bidang pendidikan, kedua tertinggi selepas golongan pengurusan dan profesional (40%).

Diandaikan bahawa pelajar yang dipilih sebagai responden terdedah kepada ledakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan secara tidak langsung pengguna Internet dan akhbar dalam talian.

3.5 ALAT PENGUMPULAN DATA

3.5.1. Soal Selidik

Kajian ini menggunakan format soal selidik sebagai alat pengumpulan data dengan mengandungi empat bahagian soalan. Bahagian A (Latar Belakang Audiens) mengandungi tujuh soalan yang bertujuan untuk mendapatkan ciri-ciri demografi responden. Bahagian B (Profil Audiens) yang mengandungi lapan soalan yang bertujuan mengetahui tahap penggunaan akhbar cetak dan akhbar dalam talian di kalangan responden dan kecenderungan mereka terhadap kedua-dua penerbitan.

Bahagian C (Penggunaan Akhbar oleh Audiens) merupakan soalan berbentuk skala likert lima mata yang berdasarkan nombor 1 hingga 5, iaitu 1 menggambarkan Sangat Setuju, 2 = Setuju, 3 = Berkecuaali, 4 = Tidak Setuju, dan 5 = Sangat Tidak Setuju. Bahagian ini menilai keberkesanan, kekuatan, dan kelemahan akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Bahagian D (Reaksi Terhadap Penggunaan Visual dan Perekaan Grafik Akhbar) pula melihat reaksi pengguna akhbar terhadap reka bentuk kedua-dua penerbitan.

3.5.2. Temu Bual Bersemuka

Pengkaji telah menemubual 10 orang responden secara bersemuka. Tujuan temu bual bersemuka adalah untuk mendapat data-data lebih lanjut tentang aspek yang diberi tumpuan dalam kajian ini. Pandangan responden direkodkan melalui soalan berbentuk terbuka. Soalan yang ditanya adalah berkaitan dengan aspek reka bentuk termasuk penggunaan visual akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Masalah yang dihadapi dalam proses pembacaan akhbar di atas kertas dengan di atas skrin seperti kadar keterbacaan dan sebagainya. Persembahan grafik akhbar kedua-dua edisi akhbar juga ditanya. Pengkaji membiarkan responden mengutarakan pendapat tanpa sekatan atau gangguan.

Sepuluh orang responden yang ditemu bual secara bersemuka diminta menatap halaman pertama akhbar cetak dan melayari akhbar dalam talian sebelum menjawab soalan. Untuk membantu responden, pengkaji membawa akhbar *Berita Harian* dan *Harakah* untuk pemerhatian responden dan juga mencetak kedua-dua edisi dalam talian akhbar yang dikaji untuk tempoh kajian (4hb. Mac hingga 9hb. Mac 2002). Untuk akhbar dalam talian, responden dipastikan melayari akhbar berkenaan bagi mengenalpasti

elemen-elemen multimedia yang ada dan menarik perhatian responden. Ada juga responden ditemu bual di makmal komputer dengan melawat akhbar dalam talian yang dikaji iaitu *Berita Harian Online* dan *Harakahdaily*. Ini bertujuan memperjelaskan aspek kajian yang diberi penekanan seperti elemen-elemen multimedia dan sebagainya. Soalan berkaitan kekuatan dan kelemahan kedua-dua edisi akhbar yang dikaji juga ditanya bagi mendapatkan data bagi tujuan perbandingan. Responden ditanya tentang pilihan utama edisi akhbar, pendapat, dan cadangan.

5.6. KESIMPULAN

Kajian ini melibatkan gabungan teknik kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif yang diperoleh daripada format soal selidik akan dapat disokong dengan data kualitatif hasil daripada temu bual bersemuka. Pandangan dan reaksi audiens dapat diperolehi daripada temu bual secara bersemuka yang melibatkan pemerhatian responden terhadap halaman pertama akhbar cetak dan halaman utama akhbar dalam talian yang dikaji.